

Bahagian A

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Maka ada yang memberi buah,
ada yang memberi juadah,
ada yang memberi nasi,
ada yang memberi kain,
ada yang memberi buah-buahan,
akan anak yang diidamkan oleh isterinya.

Maka Miskin pun hairanlah akan dirinya sebab bertuah untungnya maka boleh diberi orang pasar berbagai-bagai jenisnya. Adapun tatkala akan dahulu jangankan diberinya, hampir pun tiada boleh, dilemparnya dengan batu dan kayu. Setelah sudah fikir demikian itu maka ia pun kembalilah mendapatkan bininya. Maka segala buah-buahan dan makanan dan kain baju itu pun ditunjukkan kepada bininya seraya berceterakan halnya tatkala di pasar itu.

Maka bininya pun menangis tiada mahu makan jikalau tiada buah mempelam yang dalam taman raja itu. Maka bininya pun berkata, "Biarlah aku mati sekali."

Maka terlalulah sebal hati suaminya melihatkan laku bininya seperti orang hendak mati rupanya tiada berdaya lagi. Maka suaminya pun pergilah menghadap Maharaja Indera Dewa itu. Maka baginda pun sedang dihadap oleh segala anak raja-raja. Maka Miskin pun sampailah ia lalu masuk ke dalam sekali.

Maka titah baginda, "Hai, Miskin, apa kehendakmu?"

Maka Miskin pun sujud kepalanya lalu ke tanah sembahnya, "Ya Tuanku beribu-ribu ampun, jikalau ada kurnia Duli Yang Dipertua akan patik yang hina ini, patik hendak memohon akan mempelam Duli Syah Alam yang gugur barang sebiji."

Maka titah baginda kepada hambanya, "Pergilah engkau ambikan buah mempelam itu barang setangkai kepada Miskin."

Maka diambilkan oranglah; diberikannya kepada Miskin itu. Maka diambilnya seraya menyembah kepada baginda itu lalu ia keluar berjalan kembali.

(Dipetik daripada prosa tradisional "Bahasa Sesudah Derita",
antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia)

- 1 Maksud perkataan *berceterakan* dalam petikan di atas ialah
A bercerita. C berkata-kata.
B berbohong. D berbual-bual.
- 2 Mengapakah isteri Si Miskin menangis?
A Ingin makan mempelam raja
B Mengidam makan nangka raja
C Terharu akan kurniaan orang ramai
D Teringat akan hinaan orang kepada mereka
- 3 Semua perwatakan di bawah ditonjolkan oleh Si Miskin dalam petikan di atas, **kecuali**
A bertanggungjawab.
B penyayang.
C sabar.
D rajin.
- 4 Apakah reaksi sultan apabila mendengar permintaan Si Miskin?
A Tidak berkata apa-apa
B Menghukum Si Miskin
C Berasa kasihan akan nasib Si Miskin
D Memperkenankan permintaan Si Miskin
- 5 Apakah pengajaran yang terdapat dalam petikan di atas?
A Kita hendaklah rajin menuntut ilmu
B Kita tidak boleh bersikap berat sebelah
C Kita hendaklah berterus terang dan bersikap jujur
D Kita mestilah membantu orang yang dalam kesusahan